

08 SEP 2000

Mahathir-Ekspo/I

DR MAHATHIR RASMI EKSP0 MSC 2000

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Ekspo Koridor Raya Multimedia (MSC) 2000 yang diadakan bersempena mesyuarat keempat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di The Mines, Seri Kembangan di sini hari ini.

Sekurang-kurangnya 100 buah syarikat dan pertubuhan mengambil bahagian dalam ekspo tiga hari itu yang menonjolkan usaha gigih dan kejayaan rakyat Malaysia dan rakan antarabangsa mereka di dalam menggunakan model perniagaan dan pentadbiran kerajaan yang baru.

Ekspo itu akan juga mempamerkan dasar terbuka dan pragmatik Malaysia di dalam berurusan dengan teknologi dan perubahan, dan komitmennya untuk bekerjasama dengan negara lain di dalam menggalakkan kreativiti, inovasi dan keusahawanan.

Yang hadir sama pada perasmian itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri kabinet dan anggota IAP atau wakil mereka yang menghadiri mesyuarat IAP selama tiga hari, yang bermula di Cyberjaya semalam.

Dr Mahathir, dalam perutusannya dalam buku cenderamata ekspo itu, berkata MSC, yang menyambut ulangtahun keempat pada tahun ini, begitu pesat merubah lanskap ekonomi, perniagaan dan masyarakat Malaysia.

Tempoh empat tahun yang lalu menyaksikan beberapa perubahan positif pada MSC selaras dengan identiti sebenar sebagai enjin pertumbuhan Malaysia yang baru, katanya.

Beliau berkata semasa kemerosotan ekonomi baru-baru ini ia membantu menghidupkan semula aktiviti penyelidikan dan pembangunan, merevolusikan cara hidup rakyat Malaysia, memperoleh pengetahuan dan pekerjaan dan mencetuskan perubahan di dalam amalan pentadbiran kerajaan dan perniagaan.

Dr Mahathir juga berkata perkongsian bijak antara Malaysia dan syarikat-syarikat antarabangsa dan antara agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta -- yang diwujudkan semasa penggubalan dan pelaksanaan tujuh aplikasi perdana MSC -- akan menjanakan kemewahan.

Katanya rakyat Malaysia wajar berbangga dengan kejayaan MSC kerana ia membuktikan keupayaan negara di dalam mengkonsepsikan satu idea bertaraf dunia dan menjadikannya satu realiti yang praktikal.

-- BERNAMA

AR HS AHH AKD